



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

YB Tan Sri TPr Annuar bin Haji Musa
Menteri Wilayah Persekutuan

**SESI *TOWN HALL* YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA WARGA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2020**

25 Ogos 2020 (Selasa)
Dewan Serbaguna, Blok 1, KWP

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini, buat pertama kalinya sejak negara dilanda pandemik COVID-19.
2. Hari ini adalah hari pelancaran penjenamaan Wilayah Persekutuan sebagai Wilayah Prihatin di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan. Pada waktu yang sama, hari ini kita juga akan menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada warga Kementerian Wilayah Persekutuan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019. Anugerah ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan kerja Tuan-tuan dan puan-puan yang melebihi dari segi kualiti mahupun kuantiti daripada keperluan tanggungjawab biasa sebagai penjawat awam.

4. Ini seiring dengan pendekatan Kerajaan yang amat menggalakkan amalan Budaya Kerja Cemerlang. Saya berharap agar kecemerlangan dalam perkhidmatan yang ditunjukkan oleh semua kategori pegawai dan kumpulan pelaksana yang terpilih ini akan menjadi pendorong dan suntikan semangat kepada rakan-rakan yang lain.

WILAYAH PERSEKUTUAN, WILAYAH PRIHATIN

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kita telah melalui tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sepanjang tempoh PKP ini, kita melihat bahawa dalam suasana negara berhadapan dengan cabaran pandemik, rakyat Wilayah Persekutuan pula berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi dan kewangan selain daripada kesihatan. Atas dasar kecaknaan kita terhadap golongan-golongan yang menjadi mangsa akibat penularan covid ini yang terpaksa bertugas di barisan hadapan dan juga yang menjadi mangsa akibat COVID-19 dan pelaksanaan PKP, kita telah melancarkan program yang dinamakan Wilayah Cakna.
6. Wilayah Cakna ini asalnya dimulakan dengan usaha-usaha untuk meringankan beban golongan petugas barisan hadapan, golongan yang menjadi mangsa pandemik termasuk keluarga mangsa yang meninggal dunia dan seterusnya warga Wilayah Persekutuan di kalangan golongan yang berpendapatan rendah, yang baru jatuh miskin terutama di PPR dan Perumahan Awam DBKL dan juga golongan peniaga yang berniaga di premis-premis

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).

7. Kita beruntung kerana kita mempunyai kerajaan yang prihatin. Sifat keprihatinan kerajaan itu turut diterjemahkan menerusi inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang menambah lagi jumlah pembelaan dan usaha-usaha untuk membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
8. Menyedari hakikat bahawa begitu pentingnya rasa prihatin dan kecaknaan terhadap rakyat terutama warga Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) berhasrat untuk menjenamakan negeri Wilayah Persekutuan ini sebagai Wilayah Prihatin. Apa maksudnya **Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin? Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin** bererti negeri kita ini iaitu Wilayah Persekutuan ialah sebuah Wilayah yang prihatin. Maksudnya bagi kita yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir KWP dan juga agensi-agensi di bawahnya, keutamaan haruslah diberikan kepada keprihatinan terhadap rakyat, keprihatinan terhadap pembangunan dan pembelaan ekonomi rakyat dan keprihatinan terhadap penjagaan alam sekitar dan keindahan Wilayah Persekutuan.
9. Atas kesedaran ini, selepas diperbincangkan dan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi kementerian, dirumuskan terdapat 12 bidang kecaknaan yang boleh dijadikan teras kepada jenama **Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin**. 13 bidang kecaknaan ini adalah: Cakna Perumahan; Cakna Gelandangan; Cakna Kemiskinan;

Cakna Keselamatan; Cakna Perpaduan; Cakna Keindahan; Cakna Kebersihan; Cakna Sukan; Cakna Asnaf; Cakna Usahawan; Cakna Kehijauan, Cakna Pendidikan dan Cakna Seni Budaya.

10. Setiap cakna tersebut akan menjadi menjadi payung kepada perancangan dan pengurusan setiap program, produk ataupun perkhidmatan dan dasar baharu mahupun yang sedia ada untuk dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi mengikut kumpulan sasar tertentu.
11. **Cakna Perumahan** merupakan payung kepada pelbagai inisiatif mengenai perumahan telah dilaksanakan oleh kementerian mengikut kumpulan sasar tertentu. Residensi Wilayah misalnya, menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan M40 dengan menawarkan harga rumah RM300,000 ke bawah. Bagi program Residensi Prihatin pula memfokuskan kepada golongan B40 dengan menawarkan harga rumah RM200,000 ke bawah.
12. Program rumah sewa seperti ***council home*** dan ***micro housing*** juga disediakan kepada golongan belia bujang serta pasangan muda yang baru membina keluarga. Mereka bekerja di Kuala Lumpur tetapi kurang berkemampuan untuk menyewa rumah kerana kadar sewa rumah yang mahal. Program '***Urban Renewal***' ini merujuk kepada perumahan awam dan PPR DBKL bagi tujuan penggantian rumah yang uzur, usang dan bersaiz kecil kepada rumah yang baharu dan saiz lebih besar.

13. Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Kementerian dan agensi di bawah **Cakna Gelandangan** terutamanya ketika PKP dikuatkuasakan. Banyak perkara yang perlu dilakukan bagi menyantuni dan membantu golongan ini. Atas kerjasama dan hubungan yang erat antara pelbagai agensi kerajaan, kita berjaya membantu pengurusan sendiri golongan gelandangan ini sehingga berupaya memberikan pekerjaan kepada mereka. KWP terus komited dan melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan momentum motivasi diri mereka terus meningkat untuk kekal dalam masyarakat.

14. Bagi **Cakna Kemiskinan**, kita telah dan sedang melaksanakan lima (5) program berskala besar iaitu *MYJobs@Wilayah, MYGrocer@Wilayah, MYSchoolBus@Wilayah, MYMedic@Wilayah* dan *MYFood@Wilayah*. Inisiatif ini dapat membantu meringankan beban golongan miskin bandar yang jatuh miskin akibat pandemik COVID-19 dan juga yang terkesan dengan pelaksanaan PKP.

15. **Cakna Keselamatan** pula memberi penekanan kepada elemen *safe city* seperti pemasangan CCTV di lokasi-lokasi *hotspot* jenayah terutama di WP Kuala Lumpur. Faktor pencahayaan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan turut diberi penekanan bagi memastikan limpahan cahaya di jalan-jalan raya yang tidak berlampu. Pencahayaan ini juga boleh menjadi tarikan baharu dalam mencipta suasana *vibrant* bagi lokasi-lokasi pelancongan. Penguatkuasaan bagi pematuhan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan masih perlu dilakukan penelitian namun saya berharap agar usaha ini perlulah dilakukan secara berhemah dan bertimbang rasa.

16. Peranan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di Wilayah Persekutuan diperkukuhkan di bawah **Cakna Perpaduan** supaya lebih berkesan dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Ini kerana mereka perlu mewakili Kerajaan sebagai mata dan telinga dalam mengetengahkan permasalahan rakyat dan secara tidak langsung menjadi *frontliners* dalam kalangan komuniti.
17. **Cakna Keindahan** akan memayungi usaha Kementerian dan Agensi dalam melestarikan persekitaran hijau di Wilayah Persekutuan. Kementerian akan memberi fokus kepada pengindahan dan penambahbaikan taman-taman awam seperti Taman Awam Bukit Kiara, menyelesaikan projek *River of Life*, melaksanakan program penanaman pokok di kawasan awam bagi mengekalkan tahap kehijauan serta kualiti landskap dan persekitaran yang menyumbang kepada kualiti kehidupan yang lebih sihat, selamat dan indah di Wilayah Persekutuan.
18. Penekanan kepada keperluan membudayakan penjagaan kebersihan bukan sahaja di pintu pagar rumah individu sebaliknya penjagaan kebersihan harus dijadikan amalan ketika berada di luar rumah. Program-program peningkatan kesedaran dalam kalangan warga kota agar menghentikan tabiat mengotorkan kawasan awam, jalan raya, perparitan, longkang serta sungai perlu dilaksanakan dengan lebih kerap di bawah **Cakna Kebersihan**.
19. Kita akan meneruskan usaha memartabatkan pembangunan belia dan sukan di Wilayah Persekutuan termasuk kerja-kerja membaik pulih kompleks-kompleks sukan yang uzur serta membina kompleks sukan yang bertaraf antarabangsa untuk kegunaan para atlet di Wilayah

Persekutuan. Wilayah Persekutuan Putrajaya bakal menjadi hub kecemerlangan sukan dan pembangunan *soccer city* dengan memperuntukkan Presint 5 sebagai Presint Sukan dan Rekreasi. Menerusi **Cakna Sukan**, KWP melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan akan menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk beberapa kementerian, agensi kerajaan, badan sukan dan institusi pendidikan bagi menjayakan usaha ini.

20. **Cakna Asnaf** pula mendasari program-program seperti Rumah Wilayah Prihatin yang dahulunya dikenali sebagai Program Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan dengan membantu asnaf dan golongan miskin yang menyewa Perumahan Awam atau PPR di WP Kuala Lumpur memiliki rumah sendiri tanpa perlu membayar sewa bulanan lagi. Ini dapat meringankan kos sara hidup mereka yang mengharungi kehidupan yang mencabar di ibu kota.
21. Program-program di bawah **Cakna Usahawan** pula meliputi program peningkatan ekonomi bumiputera kepada komuniti di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Program terkini yang baharu sahaja diperkenalkan adalah Program Pembangunan Usahawan Kota dengan memberikan golongan muda peluang perniagaan di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya melalui *kiosk-kiosk* baharu di kawasan yang strategik dalam memulakan perniagaan.
22. Kementerian juga turut menitik beratkan mengenai pendidikan kepada anak-anak dari keluarga miskin dan miskin tegar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Banyak aktiviti dilaksanakan dengan kerjasama NGO seperti Yayasan Wilayah Persekutuan dalam membantu para pelajar mempertingkatkan kualiti pembelajaran mereka.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah seminar kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan dan kelas tambahan untuk membantu para pelajar lebih mahir dan memahami pembelajaran di sekolah. Oleh itu, **Cakna Pendidikan** akan menjadi payung bagi program-program yang dilaksanakan untuk membantu para pelajar khususnya pelajar miskin meneruskan pembelajaran mereka dengan lebih sempurna dan selesa.

23. Bagi **Cakna Seni Budaya**, KWP akan terus menyokong dan memperbanyakkan program seni budaya di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sebagai salah satu pengisian tarikan pelancongan. Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti pelancongan domestik yang dapat membantu memulihkan ekonomi negara.
24. Hari ini di dalam townhall penjenamaan Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan, produk kecaknaan yang ingin dilancarkan adalah **Cakna Kehijauan** yang bertemakan kepada keprihatinan dan usaha kita dalam KWP untuk memastikan usaha menjaga alam sekitar dipertingkatkan. Kementerian akan meneruskan kempen bandaraya bebas karbon, penggunaan *biodiesel* membabitkan bas-bas GoKL dan lain-lain lagi. Ini juga termasuk meneruskan penguatkuasaan terhadap penggunaan produk *biodegradasi* di Wilayah Persekutuan.
25. Kementerian akan meneruskan pelaksanaan penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan di bawah Inisiatif Pembangunan Teknologi Hijau bagi mengurangkan pencemaran, menjamin kesejahteraan rakyat dan

memelihara alam sekitar. Inisiatif ini telah diperkenalkan pada 1 Jun 2016 malah penguatkuasaan penggunaannya juga telah dilaksanakan di kaunter-kaunter kompleks membeli-belah, pasaraya, outlet makanan, penjaja dan kedai-kedai serbaneka di seluruh Wilayah Persekutuan sejak 1 September 2017. Larangan penggunaan straw plastik juga masih diteruskan dengan penguatkuasaannya telah bermula pada Januari 2020. Pelbagai kempen serta aktiviti kesedaran telah dibuat dan akan diteruskan di bawah **Cakna Kehijauan** dalam mendidik warga Wilayah Persekutuan ke arah bandar hijau (*green city*)

26. Kesemua cakna yang diperkenalkan ini bukanlah sesuatu yang baharu. Ianya perlu diketengahkan dan dijenamakan supaya menjadi lebih segar dan lebih mantap untuk kita laksanakan secara bersama. Wilayah Prihatin ini juga bertujuan untuk mengubah persepsi masyarakat agar lebih memahami dan seterusnya menghargai setiap perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat.
27. Saya sangat berharap inisiatif Wilayah Prihatin ini mendapat sokongan sepenuhnya dan disambut baik oleh tuan/puan serta semua pihak terutama warga Wilayah Persekutuan.
28. Pelaksanaan inisiatif Wilayah Prihatin ini akan menjadikan anda semua lebih memahami dan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih cekap dan efisien untuk kesejahteraan rakyat di Wilayah Persekutuan. Saya amat optimis dan yakin dengan kebolehan tuan/puan serta mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap semua warga Kementerian dan Agensi dalam bersama-sama merealisasikan inisiatif Wilayah Prihatin ini.

PENUTUP

29. Akhir kata, kita ini adalah wajah kepada penjenamaan ini. Jadi apabila kita melaksanakan tugas kita, hasratnya perlulah berasaskan kepada keprihatinan terhadap semua teras-teras kecaknaan ini. Jangan sampai penjenamaan ini terganggu ataupun dirosakkan oleh perbuatan kita yang kurang berhemah ataupun tidak adil.
30. Selepas ini kita akan melancarkan produk-produk ini di peringkat agensi-agensi yang lain. Saya harap ianya dapat dihayati sepenuhnya dan seterusnya Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin dapat menjadi jenama yang kuat sehingga apabila orang luar melangkah sahaja masuk ke Wilayah Persekutuan, mereka rasa bahawa mereka ditadbir oleh penjawat awam, petugas-petugas dan juga penguatkuasa-penguatkuasa yang penuh keprihatinan kepada rakyat dan juga alam sekitar.
31. Sekian, saya sudahi dengan kalimah wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.